



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA MINGGU EPIDEMIOLOGI 47 (19 NOVEMBER – 25 NOVEMBER 2023)

4 DISEMBER 2023

Pada Minggu Epidemiologi ke-47 tahun 2023, jumlah kes demam denggi yang dilaporkan adalah sebanyak 2,686 kes berbanding 2,372 kes pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 314 kes (13.2%). Terdapat tiga (3) kematian akibat komplikasi demam denggi dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-47 tahun 2023.


Kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga Minggu Epidemiologi ke-47 adalah sebanyak 108,429 kes berbanding 56,304 kes bagi tempoh sama tahun 2022, iaitu peningkatan sebanyak 52,125 (92.6%). Manakala sejumlah 83 kematian akibat komplikasi demam denggi telah dilaporkan berbanding 37 kematian bagi tempoh yang sama pada tahun 2022.

Lokaliti hotspot yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ke-47 adalah sebanyak 79 lokaliti dilaporkan berbanding 66 lokaliti pada minggu sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 13 lokaliti. Dari 79 lokaliti yang dilaporkan, 60 lokaliti di Negeri Selangor, tujuh (7) lokaliti di Negeri Perak, enam (6) lokaliti di WPKL & Putrajaya, empat (4) lokaliti di Negeri Sabah serta masing-masing satu (1) lokaliti di Negeri Johor dan Sarawak.

Bagi surveilans chikungunya, terdapat dua (2) kes direkodkan pada Minggu Epidemiologi ke-47. Jumlah kumulatif kes chikungunya sehingga kini adalah 188 kes. Bagi surveilans zika, sebanyak 3,362 sampel darah dan 363 sampel urin telah dijalankan saringan zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Setiap lapisan masyarakat perlu bertanggungjawab dan bertindak proaktif dalam usaha membantu mengurangkan kejadian kes demam denggi yang sedang meningkat. Jawatankuasa Penduduk, Badan Pengurusan Bersama (*Joint Management Board – JMB*), Rukun Tetangga atau pihak berwajib perlu memainkan peranan dalam menggerakkan komuniti untuk melakukan aktiviti Cari dan Musnah pembiakan nyamuk *Aedes* sekurang-kurangnya 10 minit seminggu bagi mengekalkan persekitaran bebas nyamuk *Aedes*. Selain itu, aktiviti gotong-royong secara berkala turut disarankan bagi membersihkan persekitaran premis dari tempat pembiakan nyamuk *Aedes*, contohnya bekas makanan/ minuman, kulit buah-buahan, barang lusuh yang tidak digunakan serta bekas/ peralatan yang tidak digunakan di sekeliling rumah. Lupuskan sampah, barang lusuh serta tidak dapat digunakan di dalam tempat pelupusan yang telah disediakan/ ditentukan. **Tiada *Aedes*, tiada denggi, chikungunya dan zika.**


DATUK DR. MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN
KETUA PENGARAH KESIHATAN
4 DISEMBER 2023




Gambarajah 1: Perbandingan kes dan kematian demam denggi Minggu Epidemiologi ke-47 & ke-46 tahun 2023



Gambarajah 2: Perbandingan kes dan kematian demam denggi sehingga Minggu Epidemiologi ke-47 tahun 2023 dan tempoh sama tahun 2022



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes mingguan demam denggi Malaysia tahun 2023 (sehingga Minggu Epidemiologi ke-47), 2022 dan median 2018-2022



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot denggi Minggu Epidemiologi ke-47 tahun 2023